

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (BISNES)

TARIKH: 10 APRIL 2018

MUKA SURAT: 42

Kadar kelulusan pinjaman rumah kurang RM500,000 kekal stabil

KADAR kelulusan pinjaman perumahan yang berharga kurang RM500,000 kekal stabil sejak beberapa tahun lalu pada paras melebihi 70 peratus.

Malah Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, kadar kelulusan bagi kediaman berharga kurang RM250,000 adalah lebih tinggi iaitu 72.7 peratus berbanding 67 peratus pada 2012.

BNM berkata demikian menerusi laman sesawang Factwatch.myBNM.

Kenyataan BNM itu sebagai

reaksi kepada satu artikel yang memetik Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) membabitkan penolakan permohonan pinjaman perumahan.

Menurut Rehda, aspek pembiayaan akhir kekal sebagai cabaran utama bagi pembeli dalam usaha memiliki rumah mampu milik.

Malah, jumlah penolakan pinjaman perumahan tertinggi itu adalah bagi permohonan rumah berharga RM500,000 dan ke bawah.

